

292- Abu an-Nu'man meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Wahid meriwayatkan kepada kami, katanya: Asy-Syaibani meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah bin Syaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya telah mendengar Maimunah r.a. berkata: "Rasulullah s.a.w. kalau mahu berasmara (bersenda gurau) dan bersentuh-sentuhan kulit dengan mana-mana isterinya ketika ia sedang berhaidh, beliau akan menyuruh isterinya itu memakai kain." Sufyan juga telah meriwayatkan hadits ini daripada asy-Syaibani.

٦ - بَابُ تَرْكِ الْحَائِضِ الصَّوْمِ

6 - Bab: Perempuan Yang Berhaidh Tidak Boleh Berpuasa.²⁴²

٢٩٣ - حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي مَرْيَمَ قَالَ أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ قَالَ أَخْبَرَنِي زَيْدٌ هُوَ ابْنُ أَسْلَمَ عَنْ عِيَّاضِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَضْحَى أَوْ فِطْرِ إِلَى الْمُصَلَّى فَمَرَّ عَلَى النِّسَاءِ فَقَالَ يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ تَصَدَّقْنَ فَإِنِّي أُرِيْتُكُمْ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ فَقُلْنَ وَبِمَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ تُكْثِرْنَ اللَّعْنَ وَتَكْفُرْنَ الْعَشِيرَ مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتِ عَقْلِ وَدِينٍ أَذْهَبَ لِبَلِّ الرَّجُلِ الْحَازِمِ مِنْ إِحْدَاكُنَّ قُلْنَ وَمَا نُقْصَانُ دِينِنَا وَعَقْلُنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلَ نِصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ قُلْنَ بَلَى قَالَ فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانِ عَقْلِهَا أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ قُلْنَ بَلَى قَالَ فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانِ دِينِهَا

²⁴² Seringkali Bukhari r.a. di dalam tajuk babnya bertindak menjelaskan apa yang musykil dan apa yang tersirat. Justeru yang jelas itu dapat difahami oleh semua orang. Semua orang boleh faham jika anda mengatakan sebabnya perempuan berhaidh itu diharamkan bersembahyang ialah kerana ia dalam keadaan tidak suci. Sedangkan kesucian adalah syarat utama untuk keharusan bersembahyang. Berbeza dengan puasa, kerana kesucian bukan merupakan syarat untuk sahnya puasa. Di sini timbul kemusykilan, kenapakah perempuan yang berhaidh diharamkan berpuasa padahal telah diketahui bahawa kesucian bukanlah syarat untuk sahnya puasa itu? Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari r.a. seolah-olahnya mahu menjelaskan bahawa ini termasuk dalam salah satu ketentuan syara' yang di luar jangkauan pemikiran manusia (غير معقول المعنى). Mereka dalam soal-soal seperti ini dikehendaki menurut saja apa yang telah ditetapkan atau dengan kata lain, ia termasuk di dalam (أمر تعبدى). Perkara kedua yang hendak dijelaskan oleh Bukhari r.a. di sini ialah walaupun di dalam hadits di bawah bab ini disebutkan secara berkembar bahawa perempuan berhaidh tidak boleh bersembahyang dan berpuasa, tetapi hukum sembahyang dan puasa yang ditinggalkan kerana berhaidh itu adalah berbeza. Sembahyang tidak boleh diqadha', puasa (wajib) pula mesti diqadha'. Ini adalah salah satu perkara yang juga telah diijma'kan oleh para 'ulama' ummah. Itulah sebabnya kenapa Imam Bukhari r.a. hanya menyebutkan tentang perempuan yang berhaidh tidak boleh berpuasa, beliau tidak pula menyebutkan selepasnya "dan bersembahyang". Sedangkan kedua-duanya sama-sama perlu dan mesti ditinggalkan oleh perempuan yang berhaidh. Kerana terdapat perbezaan hukum di antara sembahyang dan puasa bagi perempuan berhaidh itulah makanya Bukhari r.a. mengadakan bab yang berasingan untuk meninggalkan puasa dan sembahyang.

293 – Sa'id bin Abi Maryam meriwayatkan kepada kami, katanya: Muhammad bin Ja'far meriwayatkan kepada kami, katanya: Zaid, iaitu Ibnu Aslam meriwayatkan kepada saya daripada 'Iyadh bin Abdillah daripada Abi Sa'id al-Khudari, katanya: "Pernah Rasulullah s.a.w. keluar pada hari Raya al-Adha atau al-Fitri ke musalla. Beliau s.a.w. pergi ke hadapan orang-orang perempuan lalu bersabda: "Wahai orang-orang perempuan, bersedekahlah kerana telah ditunjukkan kepadaku bahawa kamulah penghuni neraka yang paling ramai." Maka bertanyalah mereka: "Kenapakah wahai Rasulullah?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Kamu suka sangat mengutuk, kamu juga tidak mengenang budi suami, tidak pernahku lihat orang-orang yang kurang akal nya dan kurang agamanya daripada kamu, tetapi lebih mampu menghilangkan pemikiran lelaki yang bijaksana". Mereka terus bertanya: "Apakah yang mengurangkan akal dan agama kami wahai Rasulullah?" Nabi s.a.w. menjawab: "Bukankah kesaksian perempuan itu separuh daripada kesaksian lelaki?" Mereka menjawab: "Ya." Sabda Rasulullah s.a.w.: "Itulah antara tanda kekurangan akal nya. Bukankah apabila perempuan itu berhaidh dia tidak boleh bersembahyang dan berpuasa?" Mereka menjawab: "Ya". Rasulullah s.a.w. bersabda: "Itulah antara tanda kekurangan agamanya."²⁴³

٧- باب تَقْضِي الْحَائِضِ الْمَنَاسِكَ كُلَّهَا إِلَّا الطَّوَافَ بِالنَّيْتِ وَقَالَ إِبْرَاهِيمُ لَا بَأْسَ أَنْ تَقْرَأَ الْآيَةَ وَلَمْ يَرِ
ابْنُ عَبَّاسٍ بِالْقِرَاءَةِ لِلْجُنُبِ بَأْسًا وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَذْكُرُ اللَّهَ عَلَى كُلِّ أَحْيَانِهِ وَقَالَتْ أُمُّ

²⁴³ Antara petunjuk dan pengajaran yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Mustahab (elok) pergi ke mushalla untuk bersembahyang sunat Hari Raya beramai-ramai pada Hari Raya Puasa dan hari Raya Haji. (2) Kebaikan dan fadhilat bersedekah. Antaranya ialah ia dapat mengkifaratkan dosa dan dapat menghindarkan seseorang daripada 'azab neraka. (3) Keharusan perempuan keluar ke mushalla untuk bersembahyang Hari Raya bersama-sama orang-orang lelaki. (4) Imam atau pemimpin harus memberi nasihat dan pengajaran secara berasingan kepada golongan perempuan jika perlu. (5) Keharusan berkasar sedikit dalam memberikan sesuatu pengajaran supaya ia lebih berkesan. (6) Sikap kasar sedikit dalam pengajaran itu seeloknya ditujukan secara umum kepada pelajar atau pengikut, bukan ditujukan kepada orang tertentu. (7) Menafikan jasa orang adalah haram dan sifat tidak mengenang budi adalah sifat yang tercela. (8) Ucapan-ucapan yang jelik seperti mengutuk, mela'nat dan memaki hamun orang adalah haram dan ia termasuk dalam dosa-dosa besar. (9) Perkataan kufur boleh juga digunakan untuk dosa-dosa yang tidak mengeluarkan pelakunya daripada agama, supaya ia sedar bahawa dosa-dosa seperti itu sebenarnya lebih sesuai dengan kekufuran bukan dengan Islam. Di samping itu selain untuk menakut-nakutkan orang daripada melakukan dosa, sesungguhnya dosa-dosa juga mungkin boleh membawa seseorang kepada kekufuran sebenar. (10) Hadits ini adalah nas yang terang tentang perempuan berhaidh tidak boleh bersembahyang dan berpuasa. (11) Sifat Rasulullah s.a.w. yang sangat prihatin terhadap golongan miskin dan memerlukan perlu sekali dicontohi oleh setiap pemimpin dan orang-orang yang berkemampuan. (12) Nabi s.a.w. telah menyebutkan sedikit daripada sebab kekurangan orang-orang perempuan secara 'amnya.

عَطِيَّةٌ كَمَا تُؤْمَرُ أَنْ يُخْرِجَ الْحَيْضُ فَيُكَبِّرْنَ بِكُبْرِهِمْ وَيَدْعُونَ وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ أَخْبَرَنِي أَبُو سُفْيَانَ أَنَّ
 هِرْقْلَ دَعَا بِكِتَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَرَأَ فَإِذَا فِيهِ بِسْمُ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَ (يَا أَهْلَ
 الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ) الْآيَةِ - وَقَالَ عَطَاءٌ عَنْ جَابِرٍ حَاضَتْ عَائِشَةُ فَتَسَكَّتِ الْمَنَاسِكَ غَيْرَ
 الطَّوَافِ بِالْبَيْتِ وَلَا تُصَلِّيَ وَقَالَ الْحَكَمُ إِنِّي لَأَدُحُّ وَأَنَا جُنُبٌ وَقَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ (وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ
 يُذَكَّرْ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ)

7 - Bab: Orang Yang Berhaidh Boleh Melaksanakan Semua Ibadat Haji Kecuali Thawaf Di Baitillah.²⁴⁴ Ibrahim An-Nakha'i Berkata: "Tidak Mengapa Perempuan Yang datang Haidh Membaca Satu Ayat Daripada Al-Quran".²⁴⁵ Ibnu 'Abbaas Berpendapat: Tidak Mengapa Orang Yang Berjunub Membaca Al-Quran.²⁴⁶ Nabi s.a.w. Berzikir Kepada Allah (Mengingati Dan Menyebut Allah) Dalam Semua Keadaannya.²⁴⁷ Ummu 'Athiyyah Berkata: "Kami Diperintahkan Agar Yang Berhaidh (Dari Kalangan Kami) Keluar (Dari Rumah) Untuk Bertakbir Dan

²⁴⁴ Hafiz Badariuddin al-'Aini berpendapat tujuan Bukhari r.a. mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan bahawa perempuan berhaidh boleh mengerjakan semua ibadat haji kecuali thawaf di Baitillah dan sembahyang. Ibnu al-Munaiyyir pula berpendapat maksud beliau dengan bab ini ialah menyatakan bahawa hadats besar iaitu haidh, janabah dan nifas tidak menghalang seseorang yang mengalaminya melakukan semua ibadat. Mereka boleh melakukan ibadat-ibadat badaniyyah seperti berzikir, membaca al-Qur'an dan lain-lain. Segala ibadat haji termasuk antara yang tidak terhalang dilakukan oleh orang-orang yang berhadats besar kecuali thawaf dan sembahyang. Ibnu Batthaal dan kebanyakan 'ulama' pensyarah Sahih Bukhari berpendapat maksud Bukhari r.a. di sini ialah membuktikan keharusan orang-orang yang berhadats besar (perempuan-perempuan berhaidh, perempuan-perempuan bernifas dan orang-orang yang berjunub) membaca al-Qur'an. Pendapat inilah yang betul dan tepat kerana ia lebih sesuai dengan siyaq dan sibaq perbincangan Bukhari r.a. Di dalam bab 3 yang lalu Bukhari r.a. telah pun membuktikan bahawa orang-orang yang berhadats besar itu boleh menyentuh, memegang, membawa dan menanggung al-Qur'an. Sekarang beliau pergi lebih jauh lagi dari itu dengan mengadakan bab ini. Untuk menguatkan da'waannya Imam Bukhari r.a. mengemukakan pendapat beberapa tokoh besar sebelumnya dengan cara pemahamannya yang tersendiri.

²⁴⁵ Atsar Ibrahim ini telah diwashalkan oleh Darimi dan lain-lain. Tujuan Bukhari r.a. mengemukakan atsar ini ialah untuk menyatakan bahawa larangan terhadap perempuan berhaidh membaca al-Qur'an itu bukanlah sesuatu yang diijma'kan.

²⁴⁶ Atsar Ibnu 'Abbaas ini telah diwashalkan oleh Ibnu al-Munzir. Ibnu al-Munzir dan lain-lain 'ulama' juga ada meriwayatkan bahawa Ibnu 'Abbaas selalu membaca al-Qur'an dalam keadaan berjunub. Apabila ditanya orang, beliau menjawab: "Yang ada di dalam perutku lebih banyak lagi." Maksud beliau ialah al-Qur'an yang ada di dalam perutku lebih banyak lagi daripada yang aku baca ini. Atau boleh jadi juga maksud beliau dengan kata-katanya itu ialah najis yang ada di dalam perutku lebih banyak lagi daripada janabahku.

²⁴⁷ Ta'liq ini telah diwashalkan oleh Muslim, Abu Daud, Tarmizi dan lain-lain daripada 'Aaisyah r.a.

Berdoa Bersama Orang-Orang Lain (Pada Hari Raya).²⁴⁸ Ibnu `Abbaas Berkata: “Abu Sufyan Memberitahu Kepadaku Bahawa Hiraqlu (Hercules) Meminta Surat Nabi s.a.w. Lalu Membaca Surat Itu. Tertulis Di Dalamnya: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Dan (Firman Allah): ‘Wahai Ahli Kitab....(Hingga Akhir Ayat)’.<sup>249</sup> Ata` Meriwayatkan Daripada Jabir Bahawa `Aaisyah r.a. Telah Berhaidh, Namun Dia Melaksanakan Semua Sekali `Ibadat Haji Selain Thawaf Di Baitillah Dan Beliau Tidak Bersembahyang”.²⁵⁰ Al-Hakam Berkata: “Aku Menyembelih Binatang Dalam Keadaan Berjunub.²⁵¹ Allah Berfirman: “Dan Jangan Kamu Makan Binatang Yang Tidak Disebut Nama Allah Ketika Menyembelihnnya”.(al-An`aam:121)

٢٩٤ - حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْقَاسِمِ عَنِ الْقَاسِمِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا نَذْكُرُ إِلَّا الْحَجَّ فَلَمَّا جِئْنَا سَرَفَ طِمِثُ فَدَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا أَبْكِي فَقَالَ مَا يُبْكِيكَ قُلْتُ لَوَدِدْتُ وَاللَّهِ أَنِّي لَمْ أَحُجَّ الْعَامَ قَالَ لَعَلَّكَ تُفْسِتُ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ فَإِنَّ ذَلِكَ شَيْءٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ فَافْعَلِي مَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ غَيْرَ أَنْ لَا تَطُوفِي بِالْبَيْتِ حَتَّى تَطْهُرِي

294 - Abu Nu`aim meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul `Aziz bin Abi Salamah meriwayatkan kepada kami daripada `Abdir Rahman bin Qasim daripada Qasim bin Muhammad daripada `Aaisyah r.a., katanya: “Kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. (dari Madinah), tiada dengan niat yang lain selain untuk mengerjakan haji. Sesampainya kami di *Sarif*, aku mendapat kain kotor (datang haidh). Rasulullah s.a.w. masuk menemuiku ketika aku sedang menangis, lalu baginda bertanya: “Apakah yang menyebabkan engkau menangis?” Saya menjawab:

²⁴⁸ Ta`liq ini telah diwashalkan oleh Imam Bukhari r.a. sendiri di dalam bab-bab tentang dua hari raya.

²⁴⁹ Ayat ini selengkapnya adalah:

قُلْ يٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْٓا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَآبًا مِّنْ دُونِ ٱللَّهِ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوٓا۟ ٱشْهَدُوٓا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿١٣٠﴾

Maksudnya: Katakanlah: “Wahai ahli Kitab, Marilah (berpegang) kepada suatu ajaran (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara Kami dan kamu, bahwa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebagian kita menjadikan sebagian yang lain sebagai Tuhan selain Allah”. jika mereka berpaling Maka Katakanlah kepada mereka: “Saksikanlah, bahwa Kami adalah orang-orang Islam”. (Aali `Imraan:64).

²⁵⁰ Ta`liq ini diwashalkan sendiri oleh Bukhari r.a. di dalam Kitab al-Ahkaam.

²⁵¹ Atsar al-Hakam ini telah diwashalkan oleh al-Baghawi di dalam al-Ja`diyyat.

“Alangkah baiknya kalau aku tidak datang mengerjakan haji pada tahun ini.” Nabi s.a.w. bertanya: “Barangkali engkau telah berhaidh?” Saya berkata: “Ya.” Nabi s.a.w. bersabda: “Itu adalah sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah kepada anak-anak perempuan Adam. Lakukanlah apa yang dilakukan oleh orang yang mengerjakan haji. Cuma engkau tidak boleh berthawaf di Baitillah selagi engkau belum suci.”²⁵²

٨ - بَابُ الْإِسْتِحَاذَةِ

8 - Bab: Istihadah.²⁵³

٢٩٥ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا قَالَتْ قَالَتْ فَاطِمَةُ بِنْتُ أَبِي حُبَيْشٍ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي لَا أَطْهَرُ أَفَادَعُ

²⁵² Apa yang dilakukan oleh orang yang mengerjakan haji ialah berdoa, berzikir, membaca al-Qur'an dan lain-lain. Di dalam hadits di atas Nabi saw hanya mengecualikan bertawaf di Baitillah sahaja kerana ia seperti sembahyang (dari segi kedua-duanya menghendaki syarat suci daripada hadats), berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas r.a daripada Nabi saw di mana Baginda bersabda: الطَّوَّافُ حَوْلَ الْبَيْتِ مِثْلُ الصَّلَاةِ Bermaksud: “Bertawaf di sekeliling Baitillah sama seperti bersembahyang.” (Hadits riwayat Tarmizi, Nasa'i dan Darimi). Ertinya yang lain-lain tidak menghendaki syarat tersebut. Semuanya boleh dilakukan walaupun dalam keadaan berhadats besar atau kecil. Imam Bukhari r.a. berpendapat hadits-hadits yang melarang orang-orang berjunub, berhaidh dan bernifas daripada memegang dan membaca al-Qur'an tidak ada satu pun shahih. Atau kalau shahih pun ia tidaklah setaraf dan setanding dengan hadits-hadits yang menjadi pegangannya iaitu yang menepati syarat-syaratnya yang ketat dalam penilaian hadits. Imam Bukhari r.a. sebenarnya tidak bersendirian dalam pendapatnya ini. Hujah dan dalil pegangan beliau juga kuat dan lebih praktikal. Di kalangan tabi'in terdapat ramai tokoh yang berpendapat perempuan berhaidh atau bernifas dan orang berjunub boleh membaca al-Qur'an dan memegangnya sama seperti Imam Bukhari r.a. Antara lain ialah Muhammad bin Sirin, Hakam bin 'Utaibah, Hammad bin Abi Sulaiman, Sa'id bin Musayyab, 'Atha' bin Abi Rabah, Sa'id bin Jubair r.a. dan lain-lain. Dari kalangan para 'ulama' mujtahidin selepas zaman tabi'in pula terdapat ramai juga yang sependapat dengan Imam Bukhari r.a. dalam perkara ini. Mereka ialah Daud Zahiri, Ibnu al-Munzir, at-Thabari, Imam Malik r.a. mengikut riwayat daripada muridnya Ibnu al-Qasim, Imam Syafi'e mengikut qaul qadimnya, Ibnu Hazam dan lain-lain.

²⁵³ Imam Bukhari r.a. mempunyai 4 tujuan sekurang-kurangnya dengan mengadakan bab ini. Pertama: Beliau mahu menarik perhatian para pembaca kepada perbezaan hukum haidh dan istihadhah. Kedua: Darah istihadhah walaupun keluar melalui saluran yang sama dengan darah haidh dan berkemungkinan warna kedua-duanya juga sama, namun masing-masing daripadanya merupakan alamat kepada keadaan yang berbeza. Istihadhah adalah darah penyakit. Ia menunjukkan ketidaksihatan pengidapnya. Sementara darah haidh pula menandakan seseorang perempuan yang sudah baligh. Ketiga: Beliau mahu mengisyaratkan kepada perbezaan pendapat para 'ulama' tentang qaedah yang seharusnya digunapakai oleh seseorang perempuan yang beristihadhah untuk menentukan sama ada ia masih dalam keadaan berhaidh atau haidhnya telah berhenti. Keempat: Oleh kerana terdapat banyak sekali perbezaan pendapat tentang waktu seseorang perempuan beristihadhah perlu mandi. Ada yang berkata ia perlu mandi setiap kali hendak bersembahyang. Ada yang berpendapat mustahadhah (perempuan beristihadhah) perlu menjama'kan sembahyangnya. Ia dikehendaki mandi sebelum setiap kali akan menjama'kan sembahyang. Ada juga yang berpendapat mustahadhah perlu mandi satu kali sahaja pada tiap-tiap hari. Tetapi kebanyakan 'ulama' (jumhur 'ulama') berpendapat mustahadhah hanya wajib mandi pada ketika suci daripada haidh sahaja. Dalam masalah ini Imam Bukhari r.a. sependapat dengan jumhur 'ulama'. Walaupun di dalam hadits bab ini tidak disebutkan tentang mandi ketika suci daripada haidh, namun di dalam hadits yang sama no:314 di bawah bab 24 akan datang dengan terang tersebut di situ perintah Nabi s.a.w. supaya mandi ketika suci daripada haidh sebelum bersembahyang.